

SEJAUH MANA KOMITMEN PIHAK INDUSTRI TERHADAP PROGRAM
LATIHAN INDUSTRI PELAJAR KUITTHO

SITI SALWA BINTI MOHAMAD NOOR

Laporan Projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2003

Untuk ayahanda, Mohamad Noor bin Mydin dan bonda, Mahani binti Yahya

Tiada terbalas budi dan jasa pengorbanan yang dicurahkan selama ini.

Hanya Allah yang akan membalasnya.

Semoga Allah SWT sentiasa merahmati dan meredhai kehidupan kita sekeluarga.....

Buat ahli keluarga terutama abang-abang dan kakak, terima kasih di atas perhatian dan bimbingan , adik akan sentiasa kenang jasa kalian. Semoga kehidupan kita akan bahagia buat selama-lamanya....

Buat rakan-rakan seperjuangan.....

Memori bersama akan terus mekar dalam ingatan.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU PUAN AMINAH

PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Segala pujian bagi Allah serta selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Syukur ke hadrat Ilahi di atas limpah kurniaNya maka dapat saya menyiapkan kajian ini dengan selamat dan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pn. Halizah binti Awang selaku pembimbing Projek Sarjana 2 yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang tempoh kajian tanpa rasa letih dan jemu. Berkat tunjuk ajar yang diberikan serta semangat telah memotivasikan saya untuk menyiapkan projek ini.

Tidak dilupakan juga kepada pensyarah-pensyarah lain terutamanya kepada PM Dr. Jailani Md. Yunos selaku Pembimbing Projek Sarjana 1 kerana turut memberikan tunjuk ajar yang tidak ternilai harganya. Segala input dan idea daripada beliau amat dihargai.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada para responden iaitu kesemua pegawai kilang-kilang perindustrian yang terbabit dengan kajian ini. Tanpa kerjasama daripada mereka tidak mungkin kajian ini dapat dilaksanakan. Terima kasih juga kepada responden di KUiTTHO yang telah memberikan kerjasama dengan baik. Kepada rakan-rakan seperjuangan, ibu bapa dan keluarga yang telah banyak memberikan sokongan, bantuan dan galakan diucapkan jutaan terima kasih. Harapan saya, semoga kajian ini memberi manfaat kepada semua.

ABSTRAK

Program latihan industri merupakan satu komponen penting dalam pendidikan teknik dan vokasional bagi melahirkan tenaga kerja mahir dan separuh mahir yang terlatih dan berwibawa. Kajian Sejauh Mana Komitmen Pihak Industri Terhadap Program Latihan Industri Pelajar KUiTTHO adalah bertujuan untuk meninjau sejauh mana kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh pihak industri terhadap program latihan industri pelajar KUiTTHO. Ini kerana tanpa komitmen dan kerjasama dari pihak industri program latihan industri tidak akan mencapai matlamatnya. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik yang diedarkan kepada 4 buah kilang iaitu Fujitsu Component (M) Sdn. Bhd., Sharp Manufacturing Corporation (M) Sdn. Bhd., Matromatic Handling Systems (M) Sdn. Bhd. dan B.P Plastics Sdn. Bhd. dan 80 orang pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Pengalatan dan Kawalan) yang telah menjalani Latihan Industri. Perisian SPSS digunakan dalam pemprosesan dan penganalisan data bagi memperolehi kekerapan dan skor min. Hasil kajian ini mendapati bahawa komitmen yang diberikan oleh pihak industri adalah tinggi. Namun begitu terdapat beberapa aspek yang perlu diberi perhatian terutamanya dari segi kemudahan kepada pelajar dan komitmen pelajar terhadap program latihan industri itu sendiri

ABSTRACT

The Industrial Training Programme is one of the most important component in technical and vocational education in order to produce semi – skilled and highly skilled manpower. This research entitled ‘ How Far Is The Commitment of the Industrial Sector Toward KUiTTHO’s Industrial Training Programme’ is basically to survey how far the commitment and cooperation given by the industrial sector to KUiTTHO’s industrial training programme. Without the commitment from the industrial sector the programme will not be able to achieve the targeted objectives. Data gathering of this research was conducted by distributing questionnaires to 4 identified factories, Fujitsu Component (M) Sdn . Bhd., Sharp Manufacturing (M) Sdn. Bhd., Maltomatic Handling Systems (M) Sdn. Bhd., B. P Plastics Sdn. Bhd., These factories had gave places for KUiTTHO’s students to undergo industrial training. It also involved data gathering from 80 final year students of Electrical Engineering who already had undergone their industrial training on March until May 2003. Data analysis was done by using SPSS, in which data frequency and mean was obtained. The overall results show the commitment given by the industrial sector is high. Nevertheless, there are still a few aspects that should be revised and improvised including accommodation to students and students’ commitment toward the industrial training.

KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA	
HALAMAN PENGESAHAN PENYELIA	
HALAMAN JUDUL	i
HALAMAN PENGAKUAN PENULIS	ii
HALAMAN DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii

BAB I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	5

1.4	Tujuan Kajian	6
1.5	Objektif Kajian	6
1.6	Persoalan Kajian	7
1.7	Skop Kajian	7
1.8	Kerangka Kerja Teoritikal	8
1.9	Kepentingan Kajian	9
1.10	Batasan Kajian	9
1.11	Definisi Istilah	10

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	13
2.2	Kepentingan Latihan Dalam Pembangunan Sumber Manusia	14
2.3	Program Latihan Industri	15
	2.3.1 Penempatan Latihan Industri	16
	2.3.2 Penilaian Latihan Industri	17
2.4	Kepentingan Latihan Industri Bagi Pelajar KUiTTTHO	18
2.5	Konsep <i>win-win</i> Program Latihan Industri Di Antara Institusi Pengajian-Industri	21
2.6	Peranan Pihak Industri Dalam Program Latihan Industri	24
2.7	Kesimpulan	27

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	29
3.2	Rekabentuk Kajian	29
3.3	Sampel Kajian	30
3.4	Tatacara Kajian	32
3.5	Pengumpulan Data	33
3.6	Instrumen Kajian	33
	3.6.1 Borang Soal Selidik	34
	3.6.2 Borang Soal Selidik Untuk Pihak Industri	34
	3.6.3 Borang Soal Selidik Untuk Pelajar	36
3.7	Analisis Data	38
3.8	Andaian Kajian	39
3.9	Kajian Rintis	40

BAB IV ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	41
	4.1.1 Analisis Borang Soal Selidik Pihak Industri	42
	4.1.2 Analisis Borang Soal Selidik Pelajar	43
4.2	Analisis Pihak Industri	43
	4.2.1 Latar belakang Responden	44
	4.2.2 Jawatan	44
	4.2.3 Pengambilan Pelajar Untuk Latihan Industri	45
4.3	Dapatan Kajian	46
	4.3.1 Analisis Maklumbalas Kesediaan Pihak Industri	47
	4.3.2 Penyediaan Program Latihan Industri	48

4.3.3	Kemudahan Kepada Pelajar	50
4.3.4	Objektif Syarikat	52
4.3.5	Kriteria Pemilihan Pelajar	54
4.4	Analisis Tahap Kepercayaan Pihak Industri	56
4.4.1	Tahap Kepercayaan (Pengurusan Projek)	56
4.4.2	Tahap Kepercayaan (Penggunaan Peralatan)	58
4.5	Analisis Kekangan dari Pihak Industri	60
4.6	Soal selidik Terbuka	62
4.7	Analisis Tahap Pendedahan Kerja Bersesuaian Dengan Bidang Pengkhususan Pelajar	63
4.7.1	Latar Belakang Responden	63
4.7.2	Jantina	63
4.7.3	Bangsa	64
4.7.4	Pilihan Tempat Latihan Industri	64
4.8	Analisis Maklumbalas Tahap Pendedahan Kerja Yang Diberikan Pihak Industri	65
4.8.1	Tahap Pendedahan Aplikasi Teori	66
4.8.2	Tahap Pendedahan Aspek Amali	69
4.8.3	Tahap Pendedahan Amalan Kejuruteraan	71
4.8.4	Tahap Pendedahan Kerja Pengurusan	73
4.9	Analisis Keseluruhan	74

BAB V KESIMPULAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	77
5.2	Perbincangan	77
5.2.1	Kesediaan Pihak Industri	78
5.2.2	Tahap Kepercayaan Pihak Industri	80
5.2.3	Tahap Pendedahan Kerja	82

5.2.4	Kekangan Dari Pihak Industri	84
5.3	Rumusan Dapatan Kajian	86
5.4	Cadangan dan Saranan	88
5.4.1	Cadangan Kepada Pihak Industri	88
5.4.2	Cadangan Kepada Pelajar	89
5.4.3	Cadangan Kepada Unit Latihan Industri	90
5.4.4	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	91
5.5	Kesimpulan	92

RUJUKAN

LAMPIRAN



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Pengagihan Sampel	31
3.2	Pemarkahan Item – item Skala Likert	35
3.3	Kandungan Borang Soal Selidik Untuk Pihak Industri	36
3.4	Pemarkahan Item Skala Likert Bagi Borang Soal Selidik Pelajar	37
3.5	Kandungan Soal Selidik Untuk Pelajar	37
3.6	Skala Likert Gabungan Lima Mata	38
3.7	Skala Likert Gabungan Lima Mata Bagi Pelajar	39
4.1	Jadual Tahap Kecenderungan	47
4.2	Skor Min Tahap Penyediaan Pihak Industri	48
4.3	Taburan Kekerapan Maklumbalas Tahap Penyediaan	49
4.4	Skor Min Kemudahan Kepada Pelajar	50
4.5	Taburan Kekerapan Terhadap Kemudahan Pelajar	51
4.6	Skor Min Objektif Pihak Industri	52
4.7	Taburan Kekerapan Objektif Pihak Industri	61
4.8	Skor Min Pemilihan Pelajar	54
4.9	Taburan Kekerapan Kriteria Pemilihan	55
4.10	Skor Min Tahap Kepercayaan (pengurusan projek)	56
4.11	Taburan Kekerapan Kepercayaan pihak Industri)	57
4.12	Skor Min Tahap Kepercayaan (Penggunaan Peralatan)	58
4.13	Taburan Kekerapan (Penggunaan Peralatan)	59
4.14	Skor Min Tahap Kekangan Pihak Industri	60

4.15	Taburan Kekерapan Terhadap Faktor –Faktor Kekangan	61
4.16	Taburan Responden Mengikut Jantina	63
4.17	Pengkelasan Tahap Pendedahan Kerja Kepada Pelajar	66
4.18	Skor Min Tahap Pendedahan Kerja (Aplikasi Teori)	67
4.19	Taburan Kekерapan Maklumbalas (Aplikasi Teori)	68
4.20	Skor Min Tahap Pendedahan (Aplikasi Amali)	69
4.21	Taburan Maklumbalas Tahap Pendedahan (Aplikasi Amali)	70
4.22	Skor Min Tahap Pendedahan Kerja (Aplikasi Kejuruteraan)	71
4.23	Taburan Kekерapan Tahap Pendedahan Kerja (Aplikasi Kejuruteraan)	72
4.24	Skor Min Tahap Pendedahan Kerja Pengurusan	73
4.25	Taburan Kekерapan Tahap Pendedahan Kerja Pengurusan	74
4.26	Ringkasan Dapatan Kajian	75



SENARAI SINGKATAN

JPTek	-	Jabatan Pendidikan Teknikal
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
KUiTTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
POLISAS	-	Politeknik Sultan Ahmad Shah
POLIMAS	-	Politeknik Sultan Muadzam Shah
PUO	-	Politeknik Ungku Omar
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN**LAMPIRAN****TAJUK**

A	Borang Soal Selidik Pihak Industri
B	Borang Soal Selidik Pelajar
C	Surat Kebenaran
D	Kajian Rintis
E	Dapatan Sebenar



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Latihan industri merupakan satu bentuk program latihan amali di sebuah organisasi atau industri yang dilalui oleh pelajar dalam jangkamasa yang ditetapkan oleh sesebuah institusi pengajian (Khairani *et.al*, 2001 dalam Rizuan, 2003). Menurut Anis Laila (1999) pula, latihan industri dijalankan sebagai suatu usaha untuk mendedahkan para pelajar dengan bidang pekerjaan yang mereka pelajari . Ini kerana semasa menjalani Program Latihan Industri, para pelajar dapat mempraktikkan apa yang mereka pelajari di kelas ke tempat kerja mereka.

Menurut Azrul Nizal (2002) yang memetik Anis (1999), latihan industri adalah suatu keadaan yang membenarkan para pelajar mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari di luar sistem persekolahan mereka dan untuk mendedahkan mereka kepada pengalaman kerja. Selain itu, latihan industri juga dikenalpasti sebagai salah satu cara untuk memperolehi maklumat dan pengetahuan terkini dalam perkembangan teknologi semasa (Azrul Nizal , 2002).

Selain daripada itu, menurut Vicary (1993) dengan menjalani Latihan Industri para pelajar dapat:

- (i) Menyiapkan diri dengan perubahan dari institusi ke tempat kerja. Para pelajar dapat merasai pengalaman bekerja, mengadakan perhubungan sosial yang baru dan dapat merasai keadaan sebenar dalam dunia pekerjaan mereka.
- (ii) Dapat menghubungkan di antara apa yang dipelajari di kelas dengan keadaan sebenar di lapangan.
- (iii) Membantu para pelajar meletakkan sasaran di dalam prestasi akademik mereka. Ini dapat memotivasikan para pelajar untuk berusaha gigih dalam peperiksaan, tugas dan sebagainya.
- (iv) Para pelajar akan lebih menghargai masa kerana semasa bekerja seseorang mementingkan ketepatan masa, kod berpakaian dan keselamatan. Ini dapat menyumbang kepada pembinaan sendiri yang lebih positif.
- (v) Memperluaskan kefahaman sosial dan komunikasi di kalangan para pelajar.
- (vi) Mendedahkan para pelajar kepada keadaan sebenar dalam amalan kerja seharian.

Sehubungan dengan itu, program latihan industri diperkenalkan dalam kurikulum institusi pendidikan sebagai usaha untuk menjadikan program pendidikan dan latihan lebih berintegrasi dengan kemahiran yang diperlukan oleh negara ini (Fong Chan Onn dalam Rizuan, 2003). Perdana Menteri Malaysia dalam pembentangan kertas kerjanya mengenai Wawasan 2020 telah menyatakan adalah menjadi tugas pendidik dan pelatih teknik dan vokasional menyediakan negara dengan keperluan tenaga mahir dan separuh mahir sekiranya Malaysia ingin menjadi sebuah negara maju seperti Amerika Syarikat, Britain, Jerman, Perancis dan Jepun (Syahira, 2002).

Kolej Universiti Tun Hussein Onn (KUiTTHO) sebagai salah satu institusi pendidikan tinggi awam yang berteraskan kepada sains dan teknologi tidak ketinggalan memainkan peranan dalam mengeluarkan tenaga kerja yang berkualiti dan berkemahiran seperti yang dituntut oleh pasaran kerja pada masa kini. Program latihan industri telah dijadikan sebagai satu kurikulum pendidikan KUiTTHO. Pelajar diberi latihan intensif secara mendalam dan meluas dalam pelbagai disiplin kejuruteraan . Di sepanjang pengajian selama 4 tahun, pelajar perlu menjalani latihan industri selama 10 minggu dengan sektor industri yang berkaitan dalam pelbagai bidang industri di seluruh Malaysia.

1.2 Latar Belakang Masalah

Sektor perindustrian dan pembuatan telah dan akan diberi keutamaan dalam usaha mengatasi masalah pembangunan ekonomi negara. Selaras dengan Wawasan 2020 yang mensasarkan Malaysia sebagai sebuah negara maju dalam bidang ekonomi, politik, kerohanian, psikologi dan kebudayaan pembangunan sumber manusia dalam bidang tersebut amatlah penting (Rahmah & Zulkifli, 1996).

Sebagai memenuhi keperluan buruh negara, kerajaan menegaskan untuk meningkatkan keperluan pendidikan kemahiran dan teknikal di sekolah-sekolah (Roslan , 2002). Latihan vokasional dan kemahiran diberi penekanan dalam pembinaan dan pembangunan kerjaya. Ini kerana kualiti para pekerja merupakan elemen yang sangat penting dalam menentukan kejayaan dan kemakmuran sesebuah negara.

Atas kesedaran itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membentuk sistem Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional yang lebih mantap yang dikenali sebagai

Program Latihan Industri (Nur Hanirah, 2002). Tujuan utama Kementerian Pendidikan Malaysia mewujudkan kurikulum Latihan Industri di institut -institut pengajian tinggi termasuk KUiTTHO ialah untuk mendedahkan para pelajarnya kepada suasana alam pekerjaan sebenar di dalam pelbagai bidang (Azrul Nizal, 2002). Ini kerana KUiTTHO sebagai sebuah institusi yang terlibat secara langsung dalam bidang teknik dan vokasional berperanan dalam membangunkan sumber manusia yang berkualiti dan berkemahiran.

Bagi melaksanakan program ini, pihak KUiTTHO perlu berkerjasama dengan pihak industri dan organisasi. Kerjasama di antara pihak industri dengan institusi pengajian tinggi adalah amat penting. Pihak industri yang merupakan penentu jenis tenaga kerja yang diperlukan patut memberi kerjasama kepada institusi pengajian dalam pelbagai bentuk (Rahmah & Zulkifli, 2002). Namun begitu menurut Nur Hanirah (2002), kebanyakan firma swasta tidak berminat untuk terlibat secara langsung di dalam program latihan industri. Pelbagai langkah telah diambil oleh kerajaan bagi menggalakkan firma mengambil pelajar bekerja di firma mereka. Di antara insentifnya ialah kerajaan menawarkan subsidi kepada firma sebagai ganjaran ke atas kerugian yang mungkin dihadapi kerana mengambil pekerja yang tidak berpengalaman dan melatih mereka dengan bayaran yang minimum (Rahmah & Zulkifli, 1996).

Menurut Curtis (1986) yang dipetik oleh Ainul Mardiah (2002), menyatakan bahawa kerjasama antara pihak industri dan institusi pendidikan adalah sedikit dalam merancang program latihan industri. Beliau telah mencadangkan perlunya mempunyai sebuah majlis penasihat yang membantu dalam persediaan, penilaian dan pelaksanaan rancangan program latihan industri (Ainul Mardiah, 2002). Manakala menurut Nur Hanirah (2002) apa yang perlu difikirkan sekarang ialah bagaimana untuk menarik minat sektor swasta supaya terlibat secara langsung di dalam mempertingkatkan program latihan industri (Yahya, 1993).

Oleh itu, adalah perlu satu kajian lanjutan dilakukan untuk mengenalpasti sebab atau alasan yang menyebabkan kurangnya kerjasama dari pihak industri dalam program latihan industri khususnya yang melibatkan pelajar-pelajar KUiTTHO.

1.3 Pernyataan Masalah

Menurut Rahmah & Zaini (1996), institusi pengajian tinggi di Malaysia masih kurang berinteraksi secara langsung dengan pihak industri. Keadaan ini berpunca daripada tiada kesedaran daripada kedua-dua pihak tentang pentingnya rangkaian kerjasama tersebut. Kurangnya kerjasama ini telah menyebabkan sebahagian besar institusi pengajian tinggi awam menggunakan mesin yang telah usang. Oleh itu dengan halangan birokrasi yang ada, sudah pasti sukar untuk menghasilkan keperluan tenaga buruh mahir yang bersesuaian dengan keperluan industri mereka.

Hal ini diburukkan lagi dengan keengganan pihak industri untuk menerima pelajar menjalani latihan industri di firma mereka. Menurut Ainul Mardiah (2002) yang dipetik daripada Admawati (1996), dalam laporan industri pelajar KUiTTHO, pihak firma tidak memberikan sepenuh kerjasama kepada kebanyakan pelatih (pelajar KUiTTHO) dalam melakukan aktiviti perindustrian dan kebanyakan mereka hanyalah diberikan kerja-kerja pejabat sahaja. Ainul Mardiah (2002) juga menambah bagi pihak firma, mereka mempunyai masalah untuk menerima pelatih di tempat mereka kerana faktor masa, tiada program latihan yang khusus, masalah pengurusan latihan dan sebagainya.

Oleh kerana masalah yang wujud ini, ia mendorong pengkaji untuk mengkaji kesediaan pihak industri di Batu Pahat dalam menerima pelajar KUiTTHO menjalani latihan industri. Hal ini kerana pengkaji ingin mengetahui sejauhmana komitmen pihak

industri di sekitar Batu Pahat yang menerima pelajar KUiTTHO semasa program latihan industri dijalankan dan faktor-faktor kekangan pihak industri dalam menerima pelajar-pelajar institusi pengajian awam, khususnya KUiTTHO semasa program latihan industri.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk mengenalpasti kemampuan pihak industri memberi latihan yang bersesuaian dengan bidang pengajian pelajar. Hal ini berlaku kerana ada di antara pihak industri yang menawarkan tempat untuk pelajar menjalani latihan industri tetapi gagal untuk memberikan latihan yang sebaiknya untuk pelajar.

1.5 Objektif Kajian

Objektif menjalankan kajian ini ialah:

- (i) Menenalpasti tahap kesediaan pihak industri memberi latihan industri kepada pelajar.
- (ii) Menenalpasti tahap kepercayaan pihak industri memberikan kerja-kerja sebenar kepada para pelajar.
- (iii) Menenalpasti tahap pendedahan kerja yang diberikan oleh pihak industri kepada pelajar bersesuaian dengan bidang pengkhususan pelajar.
- (iv) Menenalpasti faktor –faktor kekangan kepada pihak industri dalam melaksanakan program latihan industri dengan lebih berkesan.

1.6 Persoalan Kajian

Faktor kesediaan atau kesanggupan pihak industri untuk menyediakan latihan yang besesuaian dengan bidang pengajian pelajar menjadi di antara faktor yang menyumbang kepada keberkesanan latihan industri (Azrul Nizal , 2002). Latihan yang sempurna atau pendedahan kerja yang baik akan dapat membentuk pelajar yang cekap dan mahir dalam bidang pengajian mereka. Hal ini hanya boleh dicapai jika pihak industri mempunyai kemampuan yang diperlukan iaitu mampu menyediakan latihan yang bersesuaian dengan bidang pengajian pelajar disamping penggunaan alatan yang bersesuaian. Berikut merupakan beberapa persoalan kajian yang mahu dikaji oleh pengkaji dalam kajian ini:


- (i) Bagaimanakah kesediaan pihak industri dalam menerima pelajar KUiTTHO untuk menjalani latihan industri?
- (ii) Apakah persepsi pihak industri dalam memberi kepercayaan kepada pelajar dalam melakukan kerja-kerja sebenar ?
- (iii) Apakah persepsi pelajar terhadap tahap pendedahan kerja yang diberikan oleh pihak industri adalah bersesuaian dengan bidang pengajian pelajar?
- (iv) Apakah faktor-faktor yang dihadapi oleh pihak pihak industri bagi menjadikan program latihan industri ke arah lebih berkesan?

1.7 Skop Kajian

Kajian yang dilakukan ini hanya melibatkan empat buah pihak industri di Batu Pahat yang dikenalpasti menawarkan tempat latihan kepada pelajar-pelajar KUiTTHO semasa program latihan industri dijalankan. Kajian ini juga hanya melibatkan pelajar-pelajar KUiTTHO tahun akhir dalam jurusan Kejuruteraan Elektrik (Pengalatan dan Kawalan).

1.8 Kerangka Kerja Teoritikal

Kerangka kerja teoritikal ini diubahsuai daripada kerangka kerja teoritikal Hanirah (2002), dalam kajiannya iaitu Persepsi Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Terhadap Program Latihan Industri . Terdapat dua pembolehubah di dalam kajian ini iaitu pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar.



Sumber : Hanirah (2002)

Rajah 1.1 : Kerangka Kerja Teoritikal

Melalui kerangka kerja tersebut dapat difahami, bahawa pengkaji ingin mengkaji komitmen pihak industri dalam program latihan industri pelajar KUiTTHO dengan berpandukan empat objektif kajian yang telah disebutkan.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini ialah untuk mengenalpasti kesediaan pihak industri di sekitar Batu Pahat menerima pelajar KUiTTHO menjalani latihan industri . Kesediaan yang dimaksudkan adalah meliputi kemampuan pihak industri menyediakan bentuk latihan yang bersesuaian dengan bidang pengajian di samping mengenalpasti tahap kepercayaan dan pendedahan kerja yang diberikan oleh pihak industri kepada pelajar. Kepentingan kajian ini adalah memberi maklumat yang berguna kepada pihak unit perhubungan latihan industri KUiTTHO, pihak industri, JPTEK dan pelajar dalam merangka sebuah program latihan iindustri yang berkesan bagi mencapai objektif-objektif yang telah dirangka oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

1.10 Batasan Kajian

Batasan kajian ini adalah 4 buah kilang di sekitar Batu Pahat yang terpilih berdasarkan faktor jarak yang berdekatan dengan tempat pengkaji disamping faktor kewangan dan masa yang terhad. Kilang –kilang perindustrian dipilih memandangkan di sekitar Batu Pahat terdapat banyak kilang perindustrian yang menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk di sekitar Selain daripada itu, pelajar-pelajar tahun akhir Kejuruteraan Elektrik (Pengalatan dan Kawalan) dipilih kerana mereka telah mengikuti latihan industri di samping untuk mewujudkan kesinambungan hubungan di antara

pihak industri yang terpilih yang rata-ratanya kilang perindustrian berdasarkan elektronik dan pelajar –pelajar yang menuntut dalam jurusan Kejuruteraan Elektrik. Kajian ini juga bergantung kepada keterbukaan responden untuk menjawab dengan ikhlas dan jujur serta tanpa prejudis.

1.11 Definisi istilah

Di dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa istilah bagi menerangkan dengan lebih terperinci mengenai kajian ini. Istilah-istilah tersebut adalah seperti berikut:

(i) **Komitmen**

Komitmen merujuk kepada sikap (pendirian atau perbuatan) memberikan sepenuh tenaga dan perhatian dan sebagainya. Bagi tujuan kajian ini, komitmen merujuk kepada kesanggupan pihak industri menerima pelajar KUiTTHO menjalani program latihan industri dengan menyediakan mereka jadual kerja dan memberikan tugas yang bersesuaian dengan bidang pengajian. Selain daripada itu, kajian ini mengambil kira aspek kebajikan pelajar dan penyeliaan daripada pihak industri bagi menilai komitmen yang ditunjukkan oleh pihak industri.

RUJUKAN

Ainul Mardiah Mukhtar (2002). Program latihan Industri di KUiTTHO: Kajian Terhadap Pelaksanaan Sistem Penilaian. Kolej Universiti Tun Hussein Onn.

Anis Laila Yap Abdullah (1999). *The Perception of Pre Service Polytechnic Lecturers Industrial Training*. A Research Study/ Case Study. Institut Teknologi Tun Hussein Onn.

Assessing student industrial placement: Elements of methodology, general guidelines (n.d) . Retrieved August 13, 2002 from www.cefi.org/STGES/G_CHAP5.HTM

Anuwar Ali & Ahmad Mohd. Zain (1996). Pengglobalisasian dan Pembangunan Industri di Malaysia. Dalam Mahbar. Z & Tajuddin. (Ed). *Industrialisasi dan Pembangunan* , Bangi: Malindo Printers.

Azrul Nizal Abdul Aziz. (2002). Keberkesanan Program Latihan Industri di Kalangan Pelajar Jurusan Diploma Akauntansi di Politeknik-Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia. Kolej Universiti Tun Hussein Onn.

Berkeley (1993). Work experience that works. In Warwick D. (Ed). *Wealth: Practical Partnerships between Industry and Education of a Nation*. London: Beta Press.

Ellis, N (2000). Developing graduate sales professionals through co-operative education and work placements: a relationship marketing approach (Electronic Version). *Journal of European Industrial Training*, 24(1). Retrieved on August 13, 2002 From <http://pqdweb?Did=000000115923687&fmt=3Deli=1&mtd=1&Idx=31&sid=1&RQT=30>

Evans, B. T (1987). *The Employer's role in Program Development in Cooperative Education in a New Era- Understanding and Strengthening the Links Between College and the Workplace*. London. Josey Bass Publishers.

Finegold, D., & Soskice, D. (1993). *The Failure of Training in Britain: Analysis and Prescription*. In Gleeson, D. (Ed). *Training and its alternatives*. Buckingham: Open University Press.

Forrester, W., Payne, K., & Ward J. (1995). *The Work Related Curriculum*. London. Kogan Page Limited.

Hanirah Muhamad Nur. (2002). *Persepsi Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Terhadap Program Latihan Industri*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn.

Industrial Placement. (n.d). Retrieved August 13, 2002 from http://www.pbs.plym.ac.uk/services_to_business/industri.html

Heinemann, H.H (1987). *Planning, Implementing, and Assessing Programs in Cooperative Education in a New Era- Understanding and Strengthening the Links Between College and the Workplace*. London. Josey Bass Publishers.

Ironside, M. & Seifert, R (1995) *Industrial Relations in Schools*, London: TJ Press Ltd.

Ismail Asis.(1998). *Tinjauan Ke Atas keberkesanan Program Latihan Industri di Politeknik Di Politeknik Sultan Hj. Ahmad Shah, Kuantan, Pahang*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn.

Kartini Kamarulzaman. (2000). *Tinjauan Mengenai Keperluan Latihan Industri dalam Program Latihan industri Pensyarah Politeknik: Satu kajian Kes di kalangan Graduan Sarjana Pendidikan (Teknikal) di KUiTTHO*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn.

Khairani Othman, Hafizah Abd. Mutalib & Nik Ahmad Rizal bin Wan Ismail (2001). *Perspektif Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal KUiTTHO Terhadap Keberkesanan Latihan I, ndustri*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn.

Laila binti Musa (2001). *Persepsi Pelajar Diploma Terhadap Program Latihan Industri : Tinjauan di Politeknik Sultan Abdul Halim, Jitra, Kedah*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn.

Leslie,D (1999). Quality assurance and student work experience (electronic version).*Journal of European Industrial Training*,7(4).Retrieved on August, 13 2002 from [http.../pqdweb?Did=00000086924464&Fmt=3&Deli=1&mtd=1&Idx=51&Sid=1&RQT 30](http://pqdweb?Did=00000086924464&Fmt=3&Deli=1&mtd=1&Idx=51&Sid=1&RQT 30)

MMU (2002). Industrial Placement at The Sandwich Mode. Retrieved August 13, 2002 from Makmal Multimedia KUiTTHO on the World Wide Web: <http://www.doc.mmu.ac.uk/COURSES/modules/placement.html>.

Rahmah Ismail & Zulkifly Osman (1996). Pembangunan Sumber Manusia dalam Pembangunan Sektor Pembuatan. Dalam Mahbar. Z & Tajuddin. (Ed). *Industrialisasi dan Pembangunan* , Bangi: Malindo Printers.

Roslan Rasip (2002). Lulusan Teknikal dan Vokasional Semakin Penting.
Dewan Siswa, pp.15-16.

Syahira Mohd. Zayadi (2002). *Pandangan Terhadap Keberkesanan Latihan Industri: Tinjauan Ke Atas Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Awam di KUiTTHO*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Vicary, E (1993) *Work Experience Across The Curriculum*. Dalam Warwick. D (1993) (Ed.). *Linking School and Industry*. England: Basil Blackwell.

Waryszak, R.Z. (1999). Students' expectations from their cooperative education Placements in the hospitality industry: An International Perspective (Electronic Version) *Education and Training*, 24(1). Retrieved on August 13, 2002 from <http://pqdweb?Did=000000115923687&Fmt=4&Deli+1&Mtd=1&Idx=46&Sid=1&RQT=30>

Wiersma, William (2000). *Research Methods in Education - An Introduction*. Needham Heights. Allyn & Bacon Publishers.

Wilson, J. W (1987). *Achieving Cost Efficiency and Program Effectiveness in Cooperative Education in a New Era- Understanding and Strengthening the Links Between College and the Workplace*. London. Josey Bass Publishers.